

23 JUL 1996

Hamid-Kazakhstan

MALAYSIA AKAN BANTU KEMBANGKAN SYIAR ISLAM DI KAZAKHSTAN DAN KYRGYZ

KUALA LUMPUR, 23 Julai (Bernama) -- Malaysia akan membantu Kazakhstan dan Republik Kyrgyz mengembangkan syiar Islam di kalangan rakyatnya, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr Abdul Hamid Othman.

Walaupun rakyat kedua-dua negara bekas jajahan komunis itu mengakui beragama Islam, namun boleh dikatakan hampir 95 peratus amalan Islam di kedua-dua negara itu sudah hilang, katanya semasa bercakap kepada pemberita di ruang legar Bangunan Parlimen di sini hari ini.

Ketika melawat kedua-dua negara Asia Tengah itu baru-baru ini, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata ikatan Islam mendorong rakyat Malaysia untuk terus mengembangkan syiar Islam di negara-negara seumpama itu.

Abdul Hamid berkata dua komponen utama yang perlu diberi perhatian dalam usaha itu ialah dari segi akidah amalan-amalan agama dan keupayaan umat Islam dari segi ekonomi.

Beliau berkata dari segi ekonomi, ada rakyat Malaysia yang melabur dalam lombong emas, pelancongan dan penerbangan di negara berkenaan.

Katanya ada orang kenamaan ketika ditemui dalam lawatan itu berkata mereka orang Islam tetapi tidak tahu hingga ke peringkat hendak sembahyang.

Beliau berkata walahal kedua-dua negara ini merupakan tempat perkembangan Islam yang kuat pada suatu masa dahulu termasuk terdapat banyak ulama, tempat terjemahan buku-buku falsafah, astronomi dan perubatan daripada Bahasa Greek dan Roman ke Bahasa Arab.

Katanya negara-negara itu merupakan pusat perkembangan Islam ketika itu, tetapi kedaaannya berubah selepas dijajah komunis.

Beliau berkata, bagaimanapun, penyebaran Islam di negara-negara itu perlu dilaksanakan dengan penuh hikmah memandangkan di kedua-dua negara itu mempunyai penduduk bukan islam antara 25 dan 30 peratus.

-- BERNAMA

HT AHH